



MENGENAI IPPBM

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) ialah sebuah pusat penyelidikan nasional, di bawah naungan Kementerian Belia dan Sukan, yang menjalankan kajian terhadap pelbagai aspek pembangunan belia dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, rantau dan antarabangsa.

IPPBM telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi pada 15 Mei 2005 bersempena dengan Hari Belia Malaysia.

Untuk mencapai matlamatnya, IPPBM akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan, menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan Jurnal dan Monograf mengenai hasil penyelidikan serta mewujudkan program pendidikan dan latihan.

Institut ini juga akan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai, termasuklah sebagai sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Antara perkhidmatan dan aktiviti ini merangkumi aspek-aspek berikut :

- Penyelidikan asas dan guna
- Bantuan dan sokongan penyelidikan
- Penyebaran maklumat dan pendidikan
- Jaringan dan perkongsian pintar

menarik DI DALAM

Indeks Belia Malaysia (IBM):

Ukuran komposit mengenai kualiti, gaya hidup dan kesejahteraan hidup generasi muda di Malaysia yang berumur antara 15-40 tahun.

Seminar Pekerja Wanita :

Ke arah meningkatkan Profesionalisme di kalangan Pekerja Belia Wanita

a k t i v i t i T E R K I N I

- Kajian Pemetaan Belia
- Indeks Belia Malaysia 2007
- Kajian Impak Penggunaan Kompleks Rakan Muda
- Kajian Impak Rakan Muda Wawasan Desa
- Kajian Impak Program Y2Y
- Kajian Impak Citra IKBN
- Fakta Belia 2007

Di Sebalik Logo IPPBM

Logo memainkan peranan penting untuk setiap organisasi atau jabatan. Logo IPPBM mempunyai tiga warna merah, biru dan kuning, bersempena warna utama bendera Malaysia melambangkan perpaduan tiga etnik utama negara kita iaitu Melayu, Cina dan India.

Untuk tema belia yang cergas pula dikaitkan dengan rekabentuk

logo yang berkedudukan seperti aktiviti berlari melambangkan kecergasan dan kepantasan yang perlu ada pada golongan belia.

Logo ini telah digunakan secara rasmi untuk IPPBM sejak penubuhannya pada 15 Mei 2005. Ini bertepatan dengan segala aktiviti yang dijalankan oleh IPPBM yang memfokuskan segala isu yang berkaitan dengan belia.





Tinta CEO

Bismillahirrahmanirrahim.....

Bersyukur

ke hadirat ilahi setelah hampir dua tahun penubuhan IPPBM, kita berjaya menerbitkan Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia sendiri dengan jayanya. Semua ini adalah berkat sokongan dan usahasama tenaga kerja institut sendiri.

Kelahiran Buletin ini adalah sebahagian daripada usaha institut untuk terus mengorak langkah sebagai sebuah pusat penyelidikan yang bukan sahaja mengkaji pelbagai aliran dan pembangunan generasi belia malah merentasi peringkat nasional dan antarabangsa.

Atas inisiatif ini, adalah diharapkan agar semua pihak mendapat manfaat daripada kelahiran Buletin ini dan menunggu buletin seterusnya. Semoga Buletin ini terus menjadi teras pengkongsian maklumat semua pihak. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua sidang redaksi dan warga IPPBM di atas kelahiran Buletin institut buat julung kali ini.

Tinta KETUA PENGARANG

Usaha membudayakan perancangan dan pelaksanaan sesuatu program menggunakan medium penyelidikan masih lagi baru. Namun jika tiada permulaan maka tiada titik kesinambungan. Anjakan paradigma ini memberikan satu trend baru dalam merencanakan sesuatu program.



Program Sukan Malam yang baru diperkenalkan menerima pelbagai reaksi dari pelbagai pihak. Setiap pelaksanaan program memberi impak dari pelbagai sudut kepada semua pihak. Namun demikian baik kritikan mahupun pujian tetap akan dijadikan landasan kepada strategi perancangan dan pelaksanaan. Pembinaan Indeks Belia Malaysia (IBM) dapat memberi gambaran yang menyeluruh berkaitan dengan pembangunan belia di Malaysia. Ianya merupakan satu usaha bagi memantau kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia. Semoga IBM dapat meningkatkan pelaburan terhadap pembinaan modal insan negara.

Proses pembangunan belia yang lebih pantas dan dinamik menuntut pekerja belia yang berilmu pengetahuan, prihatin, bertimbang rasa, kreatif, serta cekap dan berbandangan jauh. Justeru itu usaha-usaha untuk memperkasa Pekerja Belia Wanita perlu dipergiatkan bagi membuktikan bahawa "tangan yang menghayun buaian mampu menggonggong dunia".

'When planning for one year, there's nothing better than planting grain,
When planning for ten years, there's nothing better than planting trees,
When planning for a lifetime, there's nothing better than planting men'
(The Chinese philosopher, Guanxi-551-479BC)

AHLI LEMBAGA PENGARAH



YBhg. En Muhamad B. Batri

YB Datuk Masidi Manjun

YBhg. Dato' Suroya B. Selamat

YM. Dato' Raja Ruslan Raja Samah

YBhg. Prof. Dato' Dr. Ibrahim Barjudid

YBhg. Prof. Dr. Samsudin A. Rahim

YBhg. Prof. Dr. Hj. Azimi Hj. Hamzah

YBhg. Prof. Dr. Ibrahim Mamat

SIDANG PENGARANG

PENAUNG

Prof. Dr. Samsudin A. Rahim

PENASIHAT

Puan Hjh. Che Zaharah Abd. Hamid

KETUA PENGARANG

Pn. Hjh. Siti Aishah Yahya

PEN. KETUA PENGARANG

Pn. Aishah Hj. Kasa

KETUA EDITOR

Shariffah Mamat

SIDANG REDAKSI

Jack Janda Anak Pioh
Fouzia Hassan Abdullah
Mastura Mohamad
Shahhanim Yahya
Nor hamidah Hamzah

PUBLISITI

Mohd Farius Bujang
Nurul Miza'nan Yacob
Ariffin Abd. Rahman

Skor Indeks Belia Malaysia (IBM)

Analisis data daripada Jadual 1 menunjukkan Skor IBM adalah 68.7. Berdasarkan data tersebut bolehlah dirumuskan bahawa kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia berada di tahap baik.

Jika data daripada Jadual 1 dilihat mengikut skor domain, boleh dikatakan bahawa tahap kesihatan belia Malaysia berada pada tahap sangat baik (skor 97.7). Belia Malaysia juga mempunyai akses kepada media yang sangat tinggi (skor 84.8). Boleh juga diterjemahkan bahawa belia Malaysia tinggal dalam persekitaran yang kaya media atau 'media-rich environment'.

Skor 87.4 untuk domain tingkahlaku devian menunjukkan bahawa majoriti daripada belia Malaysia tidak terlibat dalam gejala sosial.

Tiga domain berada pada tahap baik sahaja iaitu pembangunan kendiri (skor 68.8), identiti (skor 57.2), dan potensi diri (skor 59.2). Domain-domain ini berkait rapat dengan aspek dalaman diri beliau itu sendiri. Tumpuan perlu diberikan untuk meningkatkan skor dalam domain-domain tersebut agar belia dapat merealisasikan potensi dirinya. Hubungan dengan ibubapa juga berada pada tahap 'baik' sahaja. Usaha perlu digalakkan untuk membolehkan belia mempunyai lebih interaksi dengan ibubapa mereka.


Skor domain aktiviti waktu senggang (skor 21.0) berada pada tahap 'kurang baik'. Lazimnya diandaikan belia adalah aktif dalam aktiviti

Jadual 1
Indeks Belia Malaysia 2006

Pembangunan Kendiri	68.8
Hubungan Sosial	73.5
Kesihatan	97.7
Identiti	57.2
Potensi Diri	59.2
Ketembusan Media	84.8
Waktu Senggang	21.0
Tingkahlaku Devian	87.4
Skor IBM	68.7

— Indeks Belia Malaysia
— Tahap sangat baik
— Tahap sederhana baik
— Tahap kurang baik

Rajah 2
Indeks Belia Malaysia 2006



kesukuan, rekreasi dan juga terbabit dalam aktiviti bersport. Skor domain ini bagaimanapun menunjukkan belia Malaysia sebenarnya adalah kurang bersukan, berekresi dan juga membabitkan diri dalam aktiviti bersport.

akan bersambung diedisi akan datang...



Seminar Pekerja Belia Wanita

Seminar Pekerja Belia Wanita yang ke-2 telah diadakan pada 7 hingga 9 Februari 2007 bertempat di Pantai Cahaya Bulan Resort, Kelantan. Seminar ini dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Dato' Azalina Dato' Othman Said. Program ini diadakan untuk pegawai Belia dan Sukan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan turut dihadiri oleh pemimpin-pemimpin pertubuhan belia.

Objektif seminar adalah untuk meningkatkan kemahiran, mengenali potensi diri disamping membina kepercayaan, keyakinan dan kebolehan diri bagi menjadi Pekerja Belia Wanita. Di dalam seminar tersebut, peserta didedahkan dengan pembentangan kertas kerja dan ceramah yang berkaitan dengan pembangunan diri sebagai pekerja belia wanita. Di dalam seminar ini analisis kendiri dijalankan oleh IPPBM bagi mengenalpasti minat kerjaya, mengetahui tahap pengetahuan/kefahaman pengisian program serta tahap kebolehan diri, tahap kepercayaan diri dan tahap ketahanan diri. Daripada analisis yang dijalankan, didapati bahawa 98 peratus daripada peserta mempunyai minat kerjaya di dalam bidang kesukarelaan disamping 90 peratus pula memahami tugas sebagai Pekerja Belia Wanita.

Manakala bagi tahap kebolehan diri peserta, tahap sederhana merupakan peratus yang tertinggi iaitu 66.7 peratus. Para peserta seminar didapati mempunyai tahap keyakinan diri, ketahanan diri dan kepercayaan diri yang tinggi berbanding dengan tahap kebolehan diri yang masih berada dalam tahap sederhana iaitu 66.7 peratus. Melalui seminar ini, para peserta telah mendapat pendedahan

terhadap kafahaman tentang keperluan untuk menjadi Pekerja Belia Wanita yang kompetitif. Walaubagaimanapun pemantapan pengetahuan di kalangan pekerja belia wanita perlu diteruskan melalui beberapa siri majlis ilmu supaya sejajar dengan cabaran dan perkembangan semasa.



On The Role of E-Community Centre Towards The Development of E-Literacy Skills Amongst Rural Youths

A Case Study

The study was carried out in three areas in Johor, Perak and Pahang. In line with the emphasis and focus towards the role of language in capacity building and the human capital in the Ninth Malaysian Plan, in view of its impact towards E-Literacy of the rural society, the research explicates certain facts and factors that illustrates the effects and impact of E-Community Centres in the utilisation and the practice of E-Literacy amongst the rural youth. Amongst the main issues, language competency factors and literacy as a means of awareness initiator and indicator, the level of E-Literacy ICT utilization and practice amongst the rural youth are examined. Furthermore, the factors of adequacy and appropriateness of ICT infrastructures available, and the similarities and differences in the pattern of E-Community programme practices and the E-Literacy amongst the study location and its inhabitants are studied and explicated.

The Primary and Secondary data are obtained through questionnaires, interviews on focus groups, document analysis and location observation that illustrate the real world situation on the need of language literacy, preparedness, appropriateness and the need of the rural society to accept and practice the lifestyle of E-Community, that is on the nation's ICT agenda.

In addition, an evaluation and analysis on the role, implementation and utilisation of the E-Community Centres as a means of the development and the

inculturation of E-Literacy and ICT in the rural areas were executed. The correlation and association between factors on gender, English language and the awareness level, the use and practice of ICT E-Literacy practice amongst the rural youth were observed and examined. The Literacies examined are: the basic literacies, scientific literacies, technological literacies, visual literacies, information literacies and multicultural literacies.

The findings indicate: a positive feedback and impact in narrowing the digital divide between the urban and rural youth in the aspects of infrastructures and an increased awareness level. However, ownership of computers and Internet clientele amongst the rural community are still very low. The utilisations of the Internet are for very basic E-literacies such as the use of word processing application and chatting. The limited English language proficiency and competency did not hinder the rural youth in their utilisation and application of the ICT technology, however the application is at the very basic level.


From the study, a set of the recommendations are forwarded by the researchers: the indexing of E-Literacy, the enhanced and intensified training of rural youth in ICT, the development of ICT module for rural youth, and the availability of internet linkages in the language of the users, sustainability of the programmes, and the cooperation and collaborations with GLCs.

Researchers : Hazita Azman, Siti Hamim Stapa, Jamilah Mustafa, Tg. Nor Rizan Tg. Mohd Maasum, Noraza Ahmad Zabidi, Kalthum Ibrahim, Norwati Md. Yusof, Zaini Amir
Grant : IPPBM, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
IPBM-KBS/1/0016-S

Measuring Program Outcomes: A Practical Approach

At present day, the outcomes of the positive youth development program are a way to measure the level of successful programs. Everyone will wonder whether the program that they have implemented will be the best solution to manage and overcome the chronic social problem regarding youth. Herewith, is a guide for everyone, especially the policy makers to think about and to make consideration on how to plan the outcome of acquiring positive youth development program.

Program Outcome Model



Resources dedicated to or consumed by the program

e.g.

- money
- staff and staff time
- volunteers and volunteer time
- facilities
- equipment and
- supplies

Constraints on the program

e.g.

- laws
- regulations
- funders
- requirements

What the program does with the inputs to fulfill its mission

e.g.

- feed and shelter homeless families
- provide job training
- educate the public about signs of child abuse
- counsel pregnant women
- create mentoring relationships for youth feed

The direct products of program activities

e.g.

- number of classes taught
- number of counseling sessions conducted
- number of educational materials distributed
- number of hours of service delivered
- number of participants served

Benefits for participants during and after program activities

e.g.

- new knowledge
- increased skills
- changed attitudes or values
- ↓
- modified behavior
- ↓
- improved condition altered status

Source: Measuring Program Outcomes: A Practical Approach

© Copyright 1996 United Way of America